



Penerimaan kempen pendermaan organ dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia: Satu kajian pendapat awam

Hasfazila Lisa@Andi¹, Mohd Helmi Abd. Rahim¹, Novel Lyndon²

¹Pusat Pengajian Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, ²Pusat Pengajian Sains, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Correspondence: Hasfazila Lisa@Andi (email: fazila.hasfa@gmail.com)

Abstrak

Kekurangan penderma organ dalam kalangan masyarakat merupakan masalah yang telah membelenggu negara Malaysia sejak sekian lama. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan mahupun bukan kerajaan untuk menangani masalah ini namun ianya masih belum dapat di atasi sepenuhnya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana tahap penerimaan kempen derma organ oleh masyarakat Islam di Malaysia. Pendekatan teori sikap dan juga teori pemasaran sosial telah diguna pakai dalam kajian ini. Maklumat daripada tinjauan susastera menegaskan bahawa kajian ke atas sikap, persepsi dan kempen mempunyai impaknya dalam mempengaruhi keputusan seseorang individu dan seterusnya boleh membantu pihak berwajib mengatur strategi untuk meningkatkan lagi kadar pengikrar derma organ. Seramai 200 orang responden telah disoal selidik. Data primer ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati meskipun majoriti responden kurang tertarik dengan kempen derma organ namun mereka masih bersetuju bahawa kempen ini terus dijalankan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat Islam. Anehnya, tindakan untuk menjadi pengikrar derma organ adalah kurang dan boleh dikatakan hampir tiada. Dapatan ini mungkin mencerminkan kelemahan konstruk kajian dimana faktor-faktor selain sikap, persepsi dan kesedaran kempen tidak diambil kira. Biarpun begitu hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak kerajaan dan bukan kerajaan untuk memperkasakan lagi kempen derma organ di kalangan masyarakat Islam di masa hadapan.

Katakunci: derma organ, faktor sikap, kempen kesedaran, masyarakat Islam, penderma organ, tahap penerimaan

Acceptance of organ donations among Muslims in Malaysia: A public opinion study

Abstract

Malaysia has been facing the lack of organ donors in the community despite concerted efforts by the government or the non-government organisations. This study was conducted to gauge the acceptance level of organ donation among Muslim members of the community through the experience of various donation campaigns. The behavioural and social marketing approaches adopted saw the sampling of 200 respondents and the statistical analysis of the primary data gathered. The findings revealed that the majority of the respondents were less attracted to organ donating campaigns but agreed to the continuation of the campaigns as a means to raise the Muslim community awareness of the importance of organ donation. Yet, ironically, almost no respondents agreed to pledge themselves as organ donors. Such findings perhaps reflected the limitation of the behavioural construct of the study where factors other than perception and awareness of campaigns were not included. However anomalous, these findings may, nevertheless, still help the government and NGOs in improving their future organ donation campaigns among the Muslim.

Keywords: acceptance level, attitudinal factors, awareness campaign, Muslim community, organ donation, organ donors

Pengenalan


Sering kali kita sebagai masyarakat Malaysia mendengar di corong radio dan stesen televisyen, media cetak mahupun laman sosial seperti “Facebook” dan sebagainya mengenai penderitaan pesakit yang memerlukan pemindahan organ untuk terus hidup. Organ seperti kornea, buah pinggang, hati dan lebih banyak lagi organ utama diperlukan untuk meneruskan kehidupan. Situasi semasa ini merupakan fenomena yang serius di mana bilangan pesakit yang memerlukan organ ini semakin meningkat manakala bilangan penderma yang tampil ke hadapan untuk menderma adalah jauh lebih rendah, sekaligus tidak dapat memenuhi keperluan pesakit.

Marcer (2013) berpendapat bahawa pendermaan organ adalah sesuatu yang kompleks dan sensitif. Ia adalah rumit disebabkan oleh etika, perundangan dan faktor sosial, selain terdapat perbezaan pandangan mengenai persepsi terhadap pendermaan organ oleh kelompok masyarakat tertentu. Beliau turut menyatakan bahawa walaupun kadar pendermaan organ telah meningkat, namun didapati bahawa masih terdapat jurang yang ketara terhadap permintaan dan bekalan organ. Pesakit terdiri daripada pelbagai kategori bangsa, umur, dan jantina, yang menderita sementara menunggu penderma yang baik hati untuk tampil ke hadapan. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan penderma yang sesuai bukanlah suatu perkara yang mudah jika dibandingkan untuk menderma wang daripada organ mereka sendiri. Selepas pemindahan organ, seseorang individu dapat meneruskan kehidupan dengan kualiti yang lebih baik.

Didapati bahawa di peringkat global, masih terdapat jurang semakin meningkat antara bekalan dan permintaan bagi pendermaan organ dan tisu (James, 2012). Farah Salwani Muda (2012) pula berpendapat bahawa organ manusia adalah hadiah yang paling berharga dalam kehidupan. Sehingga hari ini, melalui pemindahan organ, beribu-ribu nyawa telah diselamatkan dan dengan harapan dan kebahagiaan melalui kualiti hidup yang lebih baik. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat dalam pemindahan teknologi akan menjadi sia-sia jika bekalan organ yang diperlukan masih terhad dan prosedur pemindahan organ tidak boleh mengambil tempat sewajarnya. Masalah kekurangan organ yang juga merupakan masalah global turut dihadapi oleh Malaysia. Walaupun kempen dan inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak berkuasa Malaysia, masalah ini masih tidak dapat diselesaikan dan keadaan semakin buruk.


Berdasarkan statistik yang dikeluarkan daripada Pusat Sumber Transplan Nasional, Kuala Lumpur (2010), mendapati bahawa orang Melayu yang berdaftar sebagai penderma organ adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan masyarakat bukan Melayu. Menurut statistik (Rajah 1) jumlah penderma organ di kalangan masyarakat Melayu hanya menyumbang sebanyak 6.36% dari tahun 2000 sehingga 2010 berbanding kaum Cina dan India iaitu 61.86% dan 31.78%.

Statistik yang dikeluarkan daripada Pusat Sumber Transplan Nasional, Kuala Lumpur (2013), turut mendapati bahawa orang Melayu yang berdaftar sebagai penderma organ adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan masyarakat utama yang lain di Malaysia. Angka ini telah menimbulkan tanda tanya yang membawa kepada inisiatif untuk memulakan satu kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada senario ini.




Sumber: New Straits Times, 16 Oktober 2010.

Rajah 1. Statistik penderma organ dan tisu yang disediakan oleh Pusat Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur (2010)



Sumber: Laman Web Rasmi, Unit Perkhidmatan Transplan & Pusat
 Sumber Transplan Nasional 2013

Rajah 2. Penderma organ sebenar tahun 2013



Sumber: Laman Web Rasmi, Unit Perkhidmatan Transplan & Pusat
Sumber Transplan Nasional 2013

Rajah 3. Jumlah penderma mengikut bangsa tahun 2013

Berdasarkan huraian di atas, adalah penting kempen kesedaran pendermaan organ dan tisu dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Li Ping Wong (2011) melihat bahawa kadar pendermaan organ dan tisu kerana negara Malaysia adalah antara yang terendah mempunyai bilangan penderma organ. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan, sikap, amalan dan tingkah laku masyarakat mengenai pendermaan organ dalam masyarakat yang pelbagai etnik di negeri Selangor. Beliau mendapati bahawa walaupun hanya 5.5 peratus daripada jumlah responden yang melaporkan bahawa mereka telah mendaftar untuk menjadi penderma organ, selebihnya sebanyak 35.2 peratus adalah daripada responden yang tidak mendaftar menjadi penderma organ. Hal ini menunjukkan bahawa kesediaan untuk menderma organ adalah kurang sambutan daripada rakyat Malaysia. Jurang sosio-demografi yang ketara dari segi pengetahuan dan skor sikap diperhatikan dalam kajian beliau. Hasilnya, orang Melayu iaitu sebanyak 20.7 peratus menyatakan kesanggupan yang rendah untuk menderma organ berbanding orang Cina iaitu sebanyak 36.6 peratus dan India sebanyak 51.4 peratus.

Sebaliknya Reza Afshar, Suzan Sanavi dan Mohammad Reza Rajabi (2012) berpendapat bahawa kesedaran masyarakat awam asasnya memberi kesan terhadap pendermaan organ. Kajian ini dilakukan untuk menilai sikap dan kesanggupan remaja sekolah tinggi mengenai pendermaan organ. Populasi kajian ini terdiri daripada 416 pelajar sekolah menengah perempuan yang sedang belajar di dalam gred empat dalam tiga kursus pendidikan yang berlainan. Hasil kajian ini mendapati bahawa sikap dan kesanggupan mempunyai hubungan yang positif dengan tahap pendidikan, umur dan kursus pendidikan. Kajian ini turut mencerminkan sikap remaja Iran yang positif dan kesanggupan arah menjadi pendermaan organ.

Manakala Shanon dan Barbara (2005) pula mengkaji tahap pengetahuan dan sikap terhadap pendermaan organ dan tisu. Kajian ini dilakukan ke atas penduduk Ohio, Amerika Syarikat. Sumber maklumat mengenai pendermaan dan peranan penjagaan kesihatan juga telah diteroka dalam kajian ini. Responden dalam kajian ini adalah berpengetahuan tentang pendermaan organ dengan skor pengetahuan sebanyak 86 peratus.

Walau bagaimanapun, empat soalan telah dijawab dengan salah oleh hampir 25 peratus daripada responden yang terlibat, dan hal ini telah menunjukkan defisit dalam pengetahuan masyarakat manakala lebih 96 peratus daripada responden mempunyai persepsi yang baik ke arah pendermaan organ. Kedua-dua pengetahuan dan sikap yang positif mempunyai perkaitan yang rapat dengan kesediaan serta komitmen untuk menjadi penderma organ. Salah faham mengenai pendermaan organ adalah merupakan salah satu faktor yang berpotensi untuk menjadi menghalang kepada masyarakat untuk menjadi penderma organ. Oleh itu, pendedahan dan pendidikan tentang derma organ perlu didedahkan kepada masyarakat supaya boleh meningkatkan lagi kadar penderma organ.

Ramai masyarakat yang menganggap bahawa pendermaan dan pemindahan organ yang dilakukan di Malaysia adalah bertentangan dengan hukum agama, namun begitu didapati bahawa tiada hujah yang kukuh dalam menyokong dakwaan berkenaan. Sememangnya bukan mudah sesetengah pihak mendermaan organ kepada orang lain. Namun, sikap ini harus dikikis dalam kotak pemikiran masyarakat seluruhnya pada masa kini. Bilangan penderma organ masih berada pada tahap yang membimbangkan. Sheikh et al. (2000) mengatakan bahawa bilangan penderma organ adalah paling kurang daripada masyarakat Malaysia yang beragama Islam.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji sikap, persepsi dan penerimaan kempen derma organ dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Selain itu juga, kajian ini juga untuk mengetahui sejauh mana tahap penerimaan kempen derma organ oleh masyarakat khususnya masyarakat Islam dalam mempersiapkan diri untuk menjadi pengikrar derma organ.

Permasalahan kajian

Pendermaan organ bukanlah perkara yang baharu dalam dunia perubatan di Malaysia. Namun kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam mengenai kepentingan melalui kempen menderma organ masih pada peringkat rendah. Tajuk yang dipilih adalah berkisar pada masalah yang selalu dihadapi oleh masyarakat Islam. Hal ini di mana masyarakat Islam masih berada dalam keadaan yang was-was tentang isu pendermaan organ, apatah lagi akan membuat pendaftaran sebagai penderma.

Seperti yang diketahui, maklumat memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi keberkesanan sesuatu kempen. Hal ini adalah kerana kejelasan dan ketepatan menyalurkan maklumat kepada masyarakat adalah asas kepada pembinaan dasar yang baik dalam memastikan penerimaan masyarakat. Secara khususnya, dalam kempen derma organ maklumat yang diberikan perlulah memenuhi tiga tujuan utama iaitu memberikan maklumat kepada masyarakat tentang fakta-fakta yang berkaitan dengan pendermaan organ, menunjukkan komitmen kementerian kesihatan dan badan pertubuhan bukan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pendermaan organ terutamanya di kalangan masyarakat Islam serta untuk memberikan saranan dan maklumat kepada golongan individu tertentu. Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan pelan sesuatu kempen, penilaian berterusan haruslah dilaksanakan manakala di peringkat perancangan, penggunaan kaedah kuantitatif akan membantu dalam memahami kumpulan sasaran, membentuk hala tuju sesuatu program, menilai sikap, pengetahuan dan kelakuan pengguna (Kotler & Roberto, 1989).

Hal ini boleh dilihat dalam kajian terdahulu iaitu terdapat dua model yang di gunakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti pemasaran sosial. Mengikut model yang dikemukakan oleh Gordon, Laura & Hasting (2006), penanda aras yang digunakan untuk mengukur keberkesanan sesuatu kempen pemasaran sosial adalah seperti perubahan tingkah laku, segmentasi dan sasaran kumpulan, adunan pemasaran (produk, tempat, harga/kos melepas, promosi, orang, bukti fizikal dan proses), faktor yang mempengaruhi perubahan sikap dan tingkah laku secara sukarela dan tahap penerimaan mesej yang disampaikan semasa kempen.

Menurut Kotler dan Zaltman (1971) dalam kajiannya adalah seperti keberkesanan sesuatu aktiviti pemasaran sosial dinilai mengikut penanda aras seperti komitmen pihak pelaksana terhadap kemahuan dan kehendak pasaran dan strategi segmentasi pasaran, integrasi pemasaran dalam organisasi pelaksana program, pemahaman di kalangan pengguna, pelaksanaan kajian pasaran serta perbelanjaan yang efektif, perancangan yang strategik, kecekapan operasi seperti proses komunikasi yang berkesan, penggunaan sumber yang efektif dan bersedia untuk menghadapi situasi yang tidak menentu.

Selain itu juga menurut Kotler dan Roberto (1989), terdapat beberapa komponen yang boleh digunakan untuk menilai kesan sesuatu kempen sosial iaitu penilaian tahap penerimaan mesej di kalangan kumpulan sasaran, dibuktikan dengan data yang di peroleh secara kuantitatif, kepentingan kempen terhadap masyarakat umum, keberkesanan dari segi kos dan penggunaan sumber, kemampuan memberi kesan dari segi sosial dan psikologi dan dapat mencerminkan nilai (matlamat) yang ingin dicapai.

Menurut seorang sarjana barat iaitu Burrows (2009), adalah lebih sukar untuk mempengaruhi seseorang itu supaya mengubah sikap daripada menyuruhnya membeli barangan atau perkhidmatan. Secara umumnya, seseorang individu akan menilai sesuatu perilaku sebelum membuat keputusan untuk bertindak. Sebagai contohnya, jika seseorang individu itu percaya melakukan sesuatu benda akan memberi implikasi positif kepadanya maka dia akan lebih kemungkinan untuk terlibat dalam perilaku tersebut. Walaupun masyarakat Islam mengakui bahawa pemindahan organ adalah halal dalam Islam, namun masih ramai antara mereka yang enggan menjadi sebahagian daripada penderma organ. Masalahnya ialah mengapakah senario ini masih berlaku?

Skop kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada masyarakat Islam di Malaysia sahaja terutama mereka yang belum mendaftar sebagai pengikrar penderma organ. Selain itu juga kawasan yang dipilih dalam kajian ini adalah sekitar Bandar Baru Bangi bagi kawasan bandar, Kampung Gersik Kuching bagi kawasan luar bandar dan juga Petaling Jaya bagi kawasan metropolitan. Seterusnya, dalam kajian ini hanya untuk mengkaji sikap, persepsi dan juga kesedaran masyarakat Islam terhadap kempen pendermaan organ.

Kewajaran kajian

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada pihak yang sepatutnya dan masyarakat dalam memperluaskan lagi penyebaran maklumat berkaitan dengan pendermaan organ terutamanya dari aspek agama serta kepentingan menderma organ kepada masyarakat melalui kempen yang giat dijalankan. Hal ini supaya ianya mampu mengubah sikap serta persepsi masyarakat Islam terhadap pendermaan organ dan meletakkan niat untuk terus saling membantu sesama manusia serta mengetepikan sentimen agama, bangsa dan keturunan kerana hakikatnya semua manusia diciptakan daripada tanah dan kepada tanah juga manusia akan dikembalikan.

Metodologi penyelidikan

Untuk kajian ini pengkaji telah mengedarkan sebanyak 250 borang soal selidik kepada responden yang beragama Islam dan berbangsa Melayu sahaja. Selepas dua bulan, sebanyak 238 responden sahaja yang mengembalikan borang soal selidik termasuk soal selidik yang tidak dijawab. Didapati bahawa sebanyak 38 orang responden tidak menjawab soal selidik. Oleh itu, hanya 200 soal selidik yang boleh digunakan untuk tujuan analisis dalam kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) dan jenis persampelan bukan kebarangkalian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah persampelan mudah (*convenience sampling*).

Bagi persampelan mudah ini unsur sampel adalah diambil mengikut keselesaan penyelidik yang mana sesiapa sahaja yang telah dikenal pasti boleh menjadi sampel tanpa perlu sebarang proses pemilihan secara rawak asalkan individu tersebut bersetuju untuk menjadi responden kajian. Dalam kajian ini, pengkaji terlebih dahulu akan menghampiri individu dan menyelidik sama ada individu tersebut memenuhi syarat yang ditetapkan atau tidak bagi menjadi seorang responden untuk menjawab soal selidik yang disediakan.

Analisis data dan hasil kajian

Latar belakang demografik responden

Jadual 1. Profil responden

Demografi	Kategori	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	73	36.5
	Perempuan	127	63.5
Umur	17-27	92	46.0
	28-38	61	30.5
	39-49	29	14.5
	50-60	14	7.0
	60-70	4	2.0
	Taraf Pendidikan	PMR	3
	SPM	32	16.0
	STPM	3	1.5
	Diploma	35	17.5
	Ijazah	101	50.5
	Sarjana	26	13.0
Status	Bujang	98	49.0
	Berkahwin	102	51.0
Tempat Tinggal	Bandar	66	33.0
	Luar Bandar	68	34.0
	Metropolitan	66	33.0
Jumlah keseluruhan:		200	100

Cronbach Alpha dan nilai kesahan kajian

Nilai keseluruhan *Cronbach Alpha* item sebelum skor korelasi rendah digugurkan adalah 0.894. Setelah soalan-soalan yang mempunyai item skor korelasi yang rendah digugur, nilai kebolehppercayaan *Cronbach Alpha* yang baru dan diguna pakai adalah 0.901. Di dapati bahawa nilai kesahan (r^2) bagi kajian ini adalah 0.45, $r^2=0.45$ dan nilai ini adalah sah untuk kajian ini.

Analisis deskriptif

Jadual 2 menunjukkan bahawa bilangan masyarakat Islam yang telah ataupun belum menjadi pengikrar derma organ. Hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 3 orang ataupun bersamaan dengan 1.5% sahaja yang telah berikrar menjadi pengikrar derma organ manakala seramai 197 orang bersamaan dengan 98.5% belum lagi mendaftar sebagai pengikrar derma organ.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa seramai 81 orang atau bersamaan dengan 40.5% yang mempunyai niat untuk menjadi pengikrar derma organ manakala seramai 119 orang bersamaan dengan 59.5% tidak berniat untuk berikrar derma organ. Hal ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Unit Perkhidmatan Transplan & Pusat Sumber Transplan Nasional 2013.

Jadual 2. Kekeperan dan peratusan

Bil	Item	Frekuensi dan Peratusan	
		Ya	Tidak
1	Adakah anda telah mendaftar menjadi pengikrar derma organ?	3 (1.5%)	197 (98.5%)
2	Adakah anda berniat untuk menjadi pengikrar penderma organ?	81 (40.5%)	119 (59.5%)

Sikap masyarakat Islam terhadap pendermaan organ (Kognitif, Afektif, Tingkah Laku)

Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi konstruk sikap (kognitif) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ. Dapatan menunjukkan nilai min responden bagi setiap item berada antara nilai min 3.00 (nilai min terendah) hingga nilai min 3.46 (nilai min tertinggi). Skor min tertinggi ialah item 'Saya percaya bahawa orang yang meninggal dunia secara biasa (jantung berhenti berdegup) juga boleh menderma semua organ badan' (min 3.46).

Seterusnya item kedua ialah 'Saya percaya untuk mendermakan organ saya apabila telah meninggal dunia.' (min 3.00). Item yang tertinggi nilai min (3.46) iaitu item 'Saya percaya bahawa orang yang meninggal dunia secara biasa (jantung berhenti berdegup) juga boleh menderma semua organ badan'.

Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia sudah mempunyai tanggapan yang positif terhadap pendermaan organ. Seterusnya pula, nilai min yang terendah adalah 'Saya percaya bahawa menderma organ kepada seseorang akan membantu kepada kehidupan seseorang' dengan min 3.00 menunjukkan bahawa berkemungkinan masyarakat Islam masih ramai lagi yang ragu-ragu untuk mendermakan organ mereka apabila telah meninggal dunia.

Jadual 3. Min dan sisihan piawai bagi konstruk sikap (kognitif) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ

Bil	Item Kognitif	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya percaya bahawa orang yang meninggal dunia secara biasa (jantung berhenti berdegup) juga boleh menderma semua organ badan.	3.46	1.036	Sederhana Rendah
2	Saya percaya untuk mendermakan organ saya apabila telah meninggal dunia.	3.00	1.164	Sederhana Rendah
Keseluruhan:		3.23	0.915	Sederhana Rendah
Julat:		1-5		

Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi konstruk sikap (afektif) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ. Terdapat lima item bagi pembolehubah afektif. Skor min tertinggi ialah item 'Saya merasakan bahawa kehidupan seseorang bertambah baik setelah menerima organ daripada saya selepas saya meninggal dunia.' (min 3.52). Item yang menunjukkan skor min kedua tertinggi ialah item 'Saya merasakan bahawa selepas saya meninggal dunia, saya boleh membantu orang lain untuk terus hidup' (min 3.47). Item yang ketiga ialah 'Saya merasakan jika berlaku kematian secara mengejut terhadap saya, keluarga saya akan mencari jalan supaya organ-organ saya boleh didermakan kepada orang lain bagi membantu mereka untuk meneruskan kehidupan (min 2.86)'. Didapati bahawa nilai min item tertinggi ialah 3.52 iaitu item 'Saya merasakan bahawa kehidupan seseorang bertambah baik setelah menerima organ daripada saya selepas saya meninggal dunia.' Hal ini berkemungkinan kerana masih terdapat masyarakat Islam yang mempunyai nilai positif dan percaya menderma organ boleh membantu masyarakat lain untuk terus hidup.

Jadual 4. Min dan sisihan piawai bagi konstruk sikap (afektif) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ

Bil	Item Afektif	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya merasakan bahawa selepas saya meninggal dunia, saya boleh membantu orang lain untuk terus hidup.	3.47	1.046	Sederhana Rendah
2	Saya merasakan bahawa kehidupan seseorang bertambah baik setelah menerima organ daripada saya selepas saya meninggal dunia.	3.52	0.966	Sederhana Tinggi
3	Saya merasakan jika berlaku kematian secara mengejut terhadap saya, keluarga saya akan mencari jalan supaya organ-organ saya boleh didermakan kepada orang lain bagi membantu mereka untuk meneruskan kehidupan.	2.86	1.180	Sederhana Rendah
Keseluruhan:		3.28	0.845	Sederhana Rendah
Julat:		1-5		

Jadual 5 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi konstruk sikap (tingkah laku) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ. Skor min tertinggi ialah item 'Saya menyokong kempen pendermaan organ yang telah dijalankan oleh kerajaan dan juga bukan kerajaan' (min 3.57).

Item yang menunjukkan skor min kedua tertinggi ialah item 'Saya akan berkongsi maklumat mengenai pendermaan organ kepada masyarakat Islam yang lain' (min 3.41). Item ketiga ialah 'Saya akan memberitahu keluarga saya tentang kepentingan terhadap pendermaan organ' (min 3.28). Seterusnya item keempat ialah 'Saya akan mendaftar sebagai pengikrar penderma organ' (min 3.04). Item yang kelima ialah 'Saya akan mendermakan organ saya kepada orang lain' (min 3.01). Seterusnya item yang keenam ialah 'Sekiranya kematian otak berlaku dalam ahli keluarga atau saudara mara saya, saya akan mendermakan organ saya' (min 2.92).

Item 'Saya menyokong kempen pendermaan organ yang telah dijalankan oleh kerajaan dan juga bukan kerajaan' (min 3.57) adalah tertinggi di mana masyarakat Islam kebanyakan menyokong kempen derma organ walaupun berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 5. Min dan sisihan piawai bagi sikap (tingkah laku) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ

Bil	Item Tingkah Laku	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya akan memberitahu keluarga saya tentang kepentingan terhadap pendermaan organ.	3.28	0.828	Sederhana Rendah
2	Sekiranya 'kematian otak' berlaku dalam ahli keluarga atau saudara mara saya, saya akan mendermakan organ saya.	2.92	1.079	Sederhana Rendah
3	Saya akan mendermakan organ saya kepada orang lain.	3.01	1.166	Sederhana Rendah
4	Saya akan mendaftar sebagai pengikrar penderma organ.	3.04	1.062	Sederhana Rendah
5	Saya akan berkongsi maklumat mengenai pendermaan organ kepada masyarakat Islam yang lain.	3.41	1.047	Sederhana Rendah
6	Saya menyokong kempen pendermaan organ yang telah dijalankan oleh kerajaan dan juga bukan kerajaan.	3.57	0.969	Sederhana Tinggi
Keseluruhan		3.20	0.742	Sederhana Rendah
Julat:		1-5		

Persepsi masyarakat Islam terhadap pendermaan organ (Latar belakang individu dan pengalaman individu)

Jadual 6 menunjukkan dua item mengenai konstruk persepsi (Latar Belakang) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ. Dapatan menunjukkan nilai min responden bagi setiap item berada pada nilai min 2.36 'Kepercayaan agama saya menghalang saya untuk menjadi pengikrar penderma organ. Walaupun masih terdapat masyarakat Islam yang percaya akan pegangan agama Islam tidak menghalang untuk menjadi pengikrar derma organ, namun masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam mungkin keliru dengan fatwa ataupun fahaman masing-masing mengenai pendermaan organ.

Jadual 6. Min dan sisihan piawai bagi konstruk persepsi (Latar Belakang Individu) masyarakat Islam terhadap pendermaan organ

Bil	Item Pengalaman	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Kepercayaan agama saya menghalang saya untuk menjadi pengikrar penderma organ	2.36	1.112	Sederhana Rendah
	Keseluruhan:	2.36	1.112	Sederhana Rendah
	Julat:	1-5		

Jadual 7 menunjukkan tiga item mengenai konstruk persepsi (pengalaman) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ. Dapatan menunjukkan nilai min responden bagi setiap item berada antara nilai min 2.66 (nilai min terendah) hingga nilai min 2.95 (nilai min tertinggi). Skor min tertinggi ialah item 'Saya mengenali individu yang telah menerima organ atau memerlukan pemindahan organ' min 2.95. Manakala item dengan min 2.90 ialah 'Saya merasakan bahawa anggota badan saya akan cacat apabila terdapat organ yang dikeluarkan dari badan saya'. Item yang terendah nilai min iaitu min 2.90 'Saya merasakan bahawa anggota badan saya akan cacat apabila terdapat terdapat organ yang dikeluarkan dari badan saya.

Jadual 7. Min dan sisihan piawai bagi konstruk persepsi (Pengalaman) masyarakat Islam terhadap pendermaan organ

Bil	Item Pengalaman	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya merasakan bahawa anggota badan saya akan cacat apabila terdapat organ yang dikeluarkan dari badan saya.	2.90	1.091	Sederhana Rendah
2	Saya mengenali ahli keluarga atau kawan-kawan rapat saya yang telah menjadi pengikrar derma organ	2.66	1.249	Sederhana Rendah
3	Saya tahu saluran untuk menjadi pengikrar penderma organ.	2.95	1.292	Sederhana Rendah
	Keseluruhan:	2.84	0.915	Sederhana Rendah
	Julat:	1-5		

Kesedaran terhadap kempen pendermaan organ (Maklumat/mesej perubahan tingkah laku, Tahap kesedaran)

Jadual 8 menunjukkan lima item mengenai konstruk kesedaran kempen (tahap kesedaran) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ. Terdapat lima item bagi pembolehkan bagi tahap kesedaran. Dapatan menunjukkan nilai min responden bagi setiap item berada antara nilai min 2.68 (nilai

min terendah) hingga nilai min 3.85 (nilai min tertinggi). Skor min tertinggi ialah item 'Saya pernah mendengar tentang Kempen Pendermaan organ' (min 3.85).

Item yang menunjukkan skor min kedua tertinggi ialah item 'Saya sering mendengar isu tentang pendermaan organ melalui media massa' (min 3.41). Item ketiga ialah 'Sekiranya ahli keluarga atau masyarakat memerlukan organ saya berminat untuk menjadi penderma organ (min 3.03). Seterusnya item keempat ialah 'Sekiranya saya meninggal dunia hari ini saya mahu organ saya didermakan' (min 2.86). Item yang kelima ialah 'Sekiranya orang yang tidak dikenali memerlukan organ saya berminat untuk menjadi penderma organ' (min 2.68).

Jadual 8. Min dan sisihan piawai bagi kesedaran kempen (tahap kesedaran) masyarakat Islam terhadap pendermaan organ

Bil	Item Tahap kesedaran	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya pernah mendengar tentang Kempen Pendermaan Organ.	3.85	0.999	Sederhana Tinggi
2	Sekiranya ahli keluarga atau masyarakat memerlukan organ, saya berminat untuk menjadi penderma organ.	3.03	0.973	Sederhana Rendah
3	Sekiranya orang yang tidak dikenali memerlukan organ, saya berminat untuk menjadi penderma organ.	2.68	1.114	Sederhana Rendah
4	Sekiranya saya meninggal dunia hari ini, saya mahu organ saya didermakan.	2.86	1.164	Sederhana Rendah
5	Saya sering mendengar isu tentang pendermaan organ melalui media massa.	3.41	1.018	Sederhana Rendah
Keseluruhan:		3.08	0.842	Sederhana Rendah
Julat:		1-5		

Jadual 9 menunjukkan dua item mengenai konstruk penerimaan (mesej/perubahan tingkah laku) masyarakat Islam terhadap kepentingan pendermaan organ. Dapatan menunjukkan nilai min responden bagi setiap item berada antara nilai min 2.38 (nilai min terendah) hingga nilai min 3.12 (nilai min tertinggi). Skor min tertinggi ialah item 'Saya secara peribadi berminat menjadi penderma organ' (min 3.12) manakala item seterusnya ialah 'Saya pernah menghadiri kempen pendermaan organ' (min 2.38).

Dengan nilai min yang terhasil dapat diinterpretasikan bahawa item 'Saya secara peribadi berminat menjadi penderma organ' dengan min 3.12 adalah berada pada tahap yang sederhana. Mereka mempunyai keinginan untuk mendaftar sebagai pengikrar derma organ namun mungkin mereka masih ragu-ragu untuk mendaftarkan diri mereka disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu. Item yang seterusnya, 'Saya pernah menghadiri kempen pendermaan organ' min 2.38 pula dapat diinterpretasikan bahawa mereka tahu dan menghadiri kempen ini namun masih berada pada tahap yang sederhana juga. Hal ini berkemungkinan bahawa mereka tahu namun tidak terdorong untuk sentiasa menghadiri kempen pendermaan organ.

Jadual 9. Min dan sisihan piawai bagi penerimaan (maklumat/mesej) masyarakat Islam terhadap kempen pendermaan organ

Bil	Item Tahap kesedaran	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya secara peribadi berminat menjadi penderma organ.	3.12	1.220	Sederhana Rendah
2	Saya pernah menghadiri kempen pendermaan organ.	2.38	1.250	Sederhana Rendah
Keseluruhan:		2.75	0.933	Sederhana Rendah
Julat:		1-5		

Perbincangan kajian dan rumusan

Umumnya, masyarakat Islam di Malaysia kurang menerima konsep pendermaan organ iaitu didapati bahawa hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 3 orang ataupun bersamaan dengan 1.5 peratus (%) sahaja yang telah berikrar menjadi pengikrar derma organ manakala seramai 197 orang bersamaan dengan 98.5 peratus (%) belum lagi mendaftar sebagai pengikrar derma organ. Di samping itu, sebanyak 119 responden berbangsa Melayu dan beragama Islam tidak berniat untuk menjadi pengikrar derma organ atau pun bersamaan dengan 59.5 peratus (%). Manakala sebanyak 81 responden daripada 200 responden pula didapati tidak berniat untuk menjadi penderma organ atau pun bersamaan dengan 40.5 peratus (%). Daripada hasil dapatan ini alangkah baiknya sekiranya masyarakat Islam menerima dan bersetuju dengan pendermaan organ. Hal ini kerana pendermaan organ akan membawa kebaikan kepada masyarakat Islam itu sendiri jika semua pihak dapat memahami dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan baik kerana menderma organ adalah sebahagian daripada fardu kifayah yang dituntut dalam ajaran Islam.

Oleh hal yang demikian, kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam mengenai kepentingan pendermaan organ masih berada pada peringkat yang sederhana. Hal ini berlaku kerana masih ramai yang berasa ragu-ragu untuk berbuat demikian dengan pelbagai alasan yang tidak munasabah. Golongan masyarakat Islam ini bukan sahaja berasa bimbang untuk mendermakan organ anggota keluarga yang telah meninggal dunia tetapi juga organ mereka sendiri dengan beranggapan akan mendatangkan mudarat serta menyebabkan kecacatan pada tubuh badan si mati dan dirinya. Hal ini dibuktikan dengan hasil dapatan kajian yang diperolehi iaitu item soalan "saya merasakan bahawa anggota badan saya akan cacat apabila terdapat organ yang dikeluarkan dari badan saya" dengan min 2.90. Hal ini membuktikan bahawa sikap masyarakat Islam terhadap derma organ adalah sederhana.

Rentetan daripada itu, terdapat juga masyarakat Islam yang risau dan membangkitkan isu mengenai hal-hal pasca nyawa yang meninggalkan jasad. Antara soalan yang paling kerap dibangkitkan mengenai kebimbangan masyarakat Melayu Islam ialah "saya berasa bimbang sekiranya organ yang saya dermakan akan diberikan kepada mereka yang bukan beragama Islam" dengan min 2.66. Hal ini membuktikan bahawa masih terdapat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, mungkin kebanyakan daripada kita masih berasa takut dan was-was kerana kurang berilmu ataupun pengetahuan mengenai derma organ. Maka, jalan singkat yang diambil adalah dengan membuat kesimpulan mudah dan mengaitkan dengan perkara-perkara yang tidak wujud dan tahyul. Justeru, persepsi seperti inilah yang perlu diubah dan masyarakat Islam perlu dididik supaya sedar akan peranan dan bantuan yang mereka boleh hulurkan dalam membantu orang-orang yang memerlukan.

Menurut Rosenberg dan Hovland (1960), sikap merupakan suatu kedudukan yang terdiri daripada komponen kognitif, afektif, dan juga tingkah laku yang saling bertaut antara satu sama lain apabila seseorang individu mengalami proses membuat keputusan. Situasi ini serupa berlaku dalam pemboleh ubah sikap dalam kajian ini. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat suatu kedudukan sikap yang terdapat dalam kalangan masyarakat Islam terhadap kempen pendermaan organ. Kedudukan sikap tersebut adalah sikap positif dan juga sikap negatif. Di dapati bahawa setiap individu mempunyai sikap yang berbeza-beza berdasarkan kepada kepercayaan dan kefahaman masing-masing terhadap pendermaan organ.

Hasil kajian yang dijalankan juga menggambarkan tempat tinggal merupakan faktor yang memberi kesan terhadap tahap penerimaan kempen derma organ. Didapati bahawa min bagi kawasan bandar adalah 2.80, min bagi kawasan luar bandar adalah 3.23, dan min bagi kawasan metropolitan adalah 2.96. Min kawasan bandar didapati adalah yang tertinggi iaitu 3.23. Hal ini adalah berkemungkinan kerana masyarakat Islam di luar bandar telah ramai yang keluar dari kawasan luar bandar dan terdedah dengan kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab. Contohnya kawasan kajian ialah di sekitar Kampung Gersik Kuching, Sarawak. Kawasan luar bandar ini hanya beberapa kilometer sahaja ke kawasan bandar. Dengan ini ramai masyarakat Islam di kawasan luar bandar terdedah dengan informasi kempen pendermaan organ. Berbeza pula halnya dengan kawasan bandar dan juga kawasan metropolitan yang mempunyai nilai min masing-masing 2.80 dan 2.96. Hal ini berkemungkinan masyarakat Islam di

bandar dan juga metropolitan sudah terdedah dengan maklumat dan juga kempen derma organ namun mereka bersikap acuh tak acuh sahaja terhadap pendermaan organ.

Hal ini selari dengan saranan Mueller (1986) yang menegaskan bahawa sikap seseorang tidak semestinya selari dengan kelakuannya. Umpamanya, sikap seseorang individu terhadap sesuatu subjek adalah positif dan boleh menerima walau bagaimanapun belum tentu untuk individu tersebut mengambil keputusan untuk bertindak terhadap sesuatu subjek tersebut. Justeru itu, tidak hairanlah kajian ini mendapati ramai yang bersetuju dan positif terhadap pendermaan organ namun hakikatnya mereka tidak bertindak untuk menjadi pengikrar derma organ dengan pantas kecuali apabila terdapat kemungkinan ahli keluarga seseorang individu tersebut memerlukan organ. Inilah yang digambarkan sikap sesetengah masyarakat Melayu di Malaysia dan sejajar dengan pepatah Melayu “sudah terhantuk baru tengadah”.

Meninjau dari aspek kewujudan kesedaran mengenai pelaksanaan kempen pendermaan organ pula, majoriti responden menyedari kempen derma organ yang dijalankan oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kedua-dua pihak telah berjaya mempromosikan kempen ini kepada masyarakat Islam di Malaysia. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa majoriti responden mengetahui tentang aktiviti kempen derma organ melalui kakitangan kesihatan, siaran tv atau radio, internet, perbincangan kumpulan, pameran, risalah, akhbar dan majalah.

Cadangan yang pertama untuk kajian ini ialah kekerapan dalam menganjurkan dan melaksanakan kempen derma organ hendaklah dipertingkatkan dan lokasi kempen perlu digerakkan secara menyeluruh meliputi pejabat-pejabat, sekolah dan institusi pengajian tinggi serta kawasan tumpuan orang ramai seperti pusat membeli belah. Penekanan haruslah diberi kepada aspek kekerapan penganjuran supaya ianya tidak hanya menjadi aktiviti bersifat majlis keraian semata-mata.

Cadangan yang kedua ialah memandangkan radio telah dikenal pasti sebagai media terbaik untuk menyampaikan maklumat kempen, pihak kerajaan dan bukan kerajaan disarankan untuk memperluas penggunaan radio sebagai saluran penyampaian maklumat derma organ dan mempromosikan kempen derma organ khususnya di seluruh negeri bagi menarik minat lebih ramai lagi masyarakat Islam untuk menjadi pengikrar derma organ.

Cadangan yang ketiga ialah pihak kerajaan dan bukan kerajaan perlu mewujudkan objektif perubahan sikap yang lebih khusus di kalangan kumpulan sasaran dalam kempen derma organ. Pihak kerajaan dan bukan kerajaan juga perlu menjalankan kajian tentang kumpulan sasaran sebelum membentuk sesuatu kempen dan melaksanakan ujian rintis untuk menilai penerimaan sesuatu kempen sebelum dijalankan.

Cadangan yang terakhir adalah mempertimbangkan penggunaan pemboleh ubah segmentasi yang bersesuaian dengan tujuan kempen. Hal ini dengan memastikan program, aktiviti, pameran dan kegiatan direka semasa kempen disesuaikan dengan khalayak sasaran atau khususnya yang sesuai di mana mereka disampaikan dan bahan-bahan yang digunakan bersesuaian untuk kumpulan-kumpulan tertentu, seperti pendapatan rendah, umur, gaya hidup, demografi dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, didapati kempen derma organ yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan mendapat maklum balas yang positif daripada masyarakat Islam di Malaysia. Tahap penerimaan kempen di kalangan masyarakat Islam di kawasan kajian adalah sederhana rendah dan mereka juga bersetuju supaya kempen seperti ini diperbanyakkan lagi pada masa hadapan.

Selain itu, kajian pada masa hadapan juga ialah boleh dipertimbangkan penggunaan pemboleh ubah tidak bersandar yang lebih luas untuk diuji sebagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan kempen derma organ. Memandangkan kajian hanya mengukur tiga konstruk, kajian masa hadapan boleh juga mengambil kira penggunaan konstruk yang lain seperti pengaruh luaran atau dalaman, faktor persekitaran, faktor geografi, penguatkuasaan dan lain-lain lagi.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak kerajaan dan bukan kerajaan. Hal ini kerana sikap masyarakat Islam yang acuh tak acuh terhadap isu pendermaan organ dilihat gagal untuk dipengaruhi supaya bertindak untuk menjadi pengikrar derma organ. Oleh itu, strategi kempen derma organ yang lebih baik perlu dilaksanakan bagi menanam sikap positif terhadap isu pendermaan organ dan seterusnya mereka akan lebih mudah tertarik untuk menjadi pengikrar derma

organ. Di samping itu juga, tindakan yang tegas atau penguatkuasaan hukum derma organ perlu dilaksanakan serta diseragamkan setiap negeri dan tidak dipandang enteng oleh pihak yang bertanggungjawab kerana ia merupakan salah satu unsur penarik kepada sikap seseorang individu untuk berubah.

Rujukan

- Burrows J (2009) Social marketing: Influencing behaviors for good. *Relations Industrielles* **64** (1), 179-180.
- Farah Salwani (2012) *A Socio-Legal Study On Organ Shortage In Malaysia*. University of Southampton, United Kingdom.
- Gordon R, Laura M, Angus K, Hasting G (2006) A review of effectiveness of social marketing psysical activity interventions. *Public Health* **120** (12).
- James W (2012) *A sequential decision framework for increasing college students' support for organ donation and organ donor registration*. The Organization for Transplant Professionals.
- Kotler P, Roberto LR (1989) *Social Marketing: Strategies for Changing Public Behavior*. The Free Press, New York.
- Kotler P (1971) Social marketing: Strategies for changing public behavior. *Journal of Marketing* **35**, 3-12.
- Kotler P, Zaltman G (1971) Social marketing: An approach to planned social change. *Social Marketing Quarterly* **35**, 3-12.
- Marcer L (2013) Improving the rates of organ donation for transplantation. *Nursing Standart* **27**(26), 35-40.
- Mueller DJ (1986) *Measuring social attitudes*. Columbia University. Teachers College, New York.
- Reza Afshar, Suzan Sanavi, Mohamad Reza Rajabi (2012) Attitude and willingness of high school students towards organ donation. *Saudi Journal of Kidney Diseases Transplantations* **23** (5), 929-933
- Rosenberg MJ, Hovland CI (1960) Cognitive, Affective and Behavioral Components of Attitudes. In: Rosenberg MJ, Hovland CI (eds) *Attitude Organization and Change: An Analysis of Consistency Among Attitude Components*. Yale University Press, New Haven.
- Risalah: *Unit Perkhidmatan Transplan* (2010) Cetakan semula Pusat Sumber Transplan Nasional. Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Shannon LS, Barbara KM (2005) Public Knowledge and attitudes regarding organ and tissue donation. An analysis of the northwest Ohio community. *Patient Education and Counseling* **58**, 154-163.
- Sheikh al-Imam al-Hafiz Abi'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il ibn Ibrahim al- Mughirahibn Bardizbah al-Bukhari (2000) *Sahih Muslim*. Dar al-Salam, Arab Saudi.
- Sheikh al-Imam al-Hafiz Abial-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairy al- Naisaburi (2000) *Sahih Muslim*. Dar al-Salam, Arab Saudi.
- Wong LP (2011) Knowledge, attitudes, practices and behaviors regarding deceased organ donation and transplantation in Malaysia's multi-ethnic society: A baseline study. *Clinical Transplant* **25**, E22–E31. DOI: 10.1111.

Reproduced with permission of copyright owner. Further reproduction prohibited without permission.